

28 OCT 2003

Resolusi-Undi/I

DEWAN PERWAKILAN AMERIKA AKAN MENGUNDI TERHADAP RESOLUSI DR MAHATHIR

WASHINGTON, 28 Okt (Bernama) -- Dewan Perwakilan Amerika Syarikat dijangka mengundi Selasa ini terhadap satu resolusi untuk menolak kenyataan "anti-Semitik" oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menurut mereka "menyukarkan usaha mewujudkan perdamaian di Timur Tengah dan tempat lain di dunia."

Resolusi itu yang diperkenalkan pada 21 Okt oleh empat anggota dewan perwakilan, tidak terikat, tetapi merekodkan perasaan ahli kongres terhadap kenyataan kontroversi Perdana Menteri mengenai Yahudi.

Senat meluluskan satu resolusi pada 17 Okt yang menggesa presiden Amerika Syarikat mengutuk kenyataan anti-Sematik yang disuarakan oleh Dr Mahathir yang akan bersara, semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-57 di Kuala Lumpur.

Presiden George Bush telah menyuarakan rasa tidak puas hati beliau terhadap kenyataan itu pada sidang kemuncak pemimpin Apec di Bangkok minggu lepas.

Kandungan resolusi itu yang hampir sama dengan versi senat, menyatakan bahawa Perdana Menteri "telah menjadi semakin terkenal sejak beberapa tahun ini kerana secara terang-terang anti-Semitism dan membantah negara Israel.

Ia menyatakan bahawa kenyataan Dr Mahathir yang retorik, menyifatkan Yahudi sebagai "musuh" yang "memerintah dunia menerusi proksi" tidak boleh "diterima dan dimaafkan" dan kenyataan itu bersifat keji dan boleh mengapi-apikan keganasan akibat perbezaan sektarian."

Resolusi itu menggesa kerajaan dan badan antarabangsa dan Kesatuan Eropah "mengutuk kenyataan itu kerana ia merupakan hasutan yang bahaya."

-- BERNAMA

SH JM LAT